

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa buah sekolah Tahfiz yang telah diarahkan tutup oleh Kementerian sejak 2020. Apakah sebab-sebab arahan tutup dikeluarkan kepada sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu kelangsungan pengoperasian institusi pendidikan di negara ini termasuk institusi tahfiz swasta yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Antaranya dengan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membolehkan institusi berkenaan terus dapat beroperasi dalam norma baharu. Suka saya jelaskan di dewan yang mulia ini bahawa berdasarkan maklumat yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, hakikatnya penutupan institusi tahfiz swasta berdaftar adalah hanya bersifat sementara, seperti sekolah aliran perdana, bagi mematuhi arahan Kerajaan supaya rantai jangkitan wabak Covid-19 dapat diputuskan. Sekian, terima kasih.